

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI TEMERLOH
DALAM NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR
RAYUAN JENAYAH NO: CB-41S-3-03/2020 DAN CB-41S-4-03/2020

ANTARA

ROZAIDI BIN RAMLI

... PERAYU

DAN

PENDAKWA RAYA

... RESPONDEN

[Dalam Perkara Mahkamah Majistret Di Temerloh
Kes Jenayah No. CB-83D-740-05/2017 dan CB-83D-1166-07/2017

Pendakwa Raya

Lawan

1. Rozaidi bin Ramli
2. Zulhilmi bin Abu Bakar]

PENGHAKIMAN

[1] Perayu di dalam kes ini telah dikenakan empat pertuduhan di Mahkamah Majistret seperti berikut:

Kes No. CB-83D-740-05/2017

(i) Pertuduhan Pertama

“Bahawa kamu bersama-sama pada 15.05.2017, jam lebih

kurang 0100 hrs, di tepi jalan besar Jalan Bera-Mayam Felda Sebertak, dalam daerah Bera, dalam Negeri Pahang Darul Makmur, telah didapati dalam kawalan kamu dadah berbahaya jenis Heroin berat bersih 0.09 gram tanpa mempunyai kebenaran yang sah di sisi undang-undang. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 12(3) Akta yang sama dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.”

(ii) Pertuduhan Kedua

“Bahawa kamu bersama-sama pada 15.05.2017, jam lebih kurang 0100 hrs, di tepi jalan besar Jalan Bera-Mayam Felda Sebertak, dalam daerah Bera, dalam Negeri Pahang Darul Makmur, telah didapati dalam kawalan kamu dadah berbahaya jenis Cannabis berat bersih 0.81 gram tanpa mempunyai kebenaran yang sah di sisi undang-undang. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 6 Akta yang sama dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.”

(iii) Pertuduhan Ketiga

“Bahawa kamu bersama-sama pada 15.05.2017, jam lebih kurang 0100 hrs, di tepi jalan besar Jalan Bera-Mayam Felda Sebertak, dalam daerah Bera, dalam Negeri Pahang Darul Makmur, telah didapati dalam kawalan kamu dadah berbahaya jenis Methamphetamine berat bersih 6.60 gram tanpa mempunyai kebenaran yang sah di sisi undang-undang. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu

kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39A(1) Akta yang sama dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.”

Kes No. CB-83D-1166-07/2017

Pertuduhan

“Bahawa kamu bersama-sama pada 15.05.2017, jam lebih kurang 0100 hrs, di tepi jalan besar Jalan Bera-Mayam Felda Sebertak, dalam daerah Bera, dalam Negeri Pahang Darul Makmur, telah didapati dalam kawalan kamu dadah berbahaya jenis Monoacetylmorphines berat bersih 0.03 gram tanpa mempunyai kebenaran yang sah di sisi undang-undang. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 12(3) Akta yang sama dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.”

[2] Majistret telah membebaskan dan melepaskan Perayu di akhir kes pendakwaan pada 14.02.2019. Pihak pendakwaan telah mengemukakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Majistret tersebut. Pada 13.11.2019, Hakim Mahkamah Tinggi Malaya di Temerloh telah membenarkan rayuan tersebut. Perayu telah diarah untuk membuat pembelaan di Mahkamah Majistret.

[3] Pembelaan Perayu telah mula didengar oleh Mahkamah Majistret pada 19.01.2020. Pada 06.03.2020 Mahkamah Majistret

telah mensabitkan Perayu dan dijatuhi hukuman seperti berikut:

CB-83D-740-05/2017

- (i) Pertuduhan Pertama – Penjara 14 bulan dari tarikh sabitan iaitu 06.03.2020.
- (ii) Pertuduhan Kedua – Penjara 14 bulan dari tarikh sabitan iaitu 06.03.2020.
- (iii) Pertuduhan Ketiga – Penjara 36 bulan dari tarikh sabitan iaitu 06.03.2020 dan empat sebatan.

CB-83D-1166-07/2017

Pertuduhan – Penjara 14 bulan dari tarikh sabitan iaitu 06.03.2020.

[4] Mahkamah Tinggi Malaya di Temerloh pada 13.11.2019 telah memerintah kedua-dua Responden dipanggil untuk membela diri kepada pertuduhan di Mahkamah Majistret Temerloh di hadapan Majistret yang sama.

[5] Ini bermakna Majistret yang mendengar kes ini seperti yang diarahkan oleh Mahkamah Tinggi, hanya akan meneliti pembelaan yang dikemukakan oleh Perayu. Oleh yang demikian tidak timbul isu sama ada Mahkamah Majistret perlu meneliti kes *prima facie* telah dibuktikan di akhir kes pendakwaan. Ini sudah terang lagi bersuluh apabila perintah Mahkamah Tinggi mengatakan Perayu-perayu perlu mengemukakan pembelaan di Mahkamah Majistret.

[6] Pada masa yang sama Mahkamah ini tidak wajar meneliti kembali keterangan pihak pendakwaan dalam memutuskan sama ada satu kes *prima facie* telah dibuktikan oleh pembelaan kerana ia

telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi sebelum ini. Di dalam kes **Azmi bin Osman v PP & Another Appeal (2015) 9 CLJ 845** Mahkamah Rayuan telah menjelaskan tindakan yang perlu dilakukan dalam senario apabila Mahkamah memerintahkan agar pembelaan didengar oleh Mahkamah setelah membenarkan rayuan pendakwaan dan memutuskan terdapat kes *prima facie* di akhir kes pendakwaan dengan menyatakan seperti berikut:

“[28] With respect, we are of the view that the learned HCJ2 had erred when he disturbed the findings of the earlier HCJ1 who had ordered the accused to enter on his defence to all the four charges, on appeal. The dominant issue that ought to guide the HCJ2's mind in dealing with a situation that has now become this preliminary issue must of necessity be the fact that when the HCJ1 made that decision for defence to be called, the latter was carrying out his appellate jurisdiction. Granted that the High Court jurisdiction is coordinate among its judges, inherent in that concept is the fact that a High Court Judge cannot overrule another High Court Judge who had made a decision at some crucial stage of proceedings in the same case. In the context of this appeal before us, the HCJ1 had ordered the accused's defence to be called to answer to the four charges levelled against him. The jurisdiction to correct that purported error, said by the HCJ2 as having been committed by the HCJ1, with respect, lies with the Court of Appeal, should there be an appeal against the decision of the HCJ2. In other words, as much as a High Court Judge's decision does not bind his brother or sister judge on the High Court bench, by the same token, neither does it lie with his brother or sister judge of the High Court to overturn his decision in the same case. In a situation now prevailing in this case, the role of the HCJ2 is only limited to see whether the defence evidence as led has succeeded in creating a reasonable doubt in the prima facie case as found by the HCJ1 on appeal by the prosecution. With respect, this must be preferred position as to what the proper

approach ought to be, as was employed by the Court of Appeal in Sulaiman 's case (supra). Coordinate jurisdiction connotes parity and as such, it does not admit nor permit mutual overriding or overruling each other's decision. Only a higher appeal court can disturb or vary or affirm a High Court's decision."

Apakah Tugas Mahkamah Di Akhir Kes Pembelaan

[7] Adalah menjadi prinsip undang-undang yang jelas bahawa di akhir kes pendakwaan bagi perbicaraan di Mahkamah Rendah seksyen 173 (m) menyatakan seperti berikut :

'at the conclusion of the trial, the court shall consider all the evidence adduced before it and shall consider all the evidence adduced before it and shall decide whether the prosecution has proved it's case beyond reasonable doubt.'

Ini bermakna Mahkamah Majistret hendaklah menimbangkan **semua keterangan** yang dikemukakan di hadapan beliau dan memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah.

Apakah Keterangan Pembelaan?

Kes Pembelaan Perayu

[8] Perayu dalam keterangan ketika pembelaan menyatakan bahawa pada 12.05.2017 SP6 telah menghantar kereta Proton Perdana PEN 3626 untuk tujuan dibaiki oleh Perayu di bengkelnya. Pada 13.05.2017 Perayu telah membaiki '*bumper*' hadapan kereta

tersebut. Perayu menyatakan pintu belakang kanan kereta tersebut tidak boleh dikunci. Ia masih belum diperbaiki oleh Perayu.

[9] Perayu menyatakan pada 15.05.2017 seorang Zulhilmi telah datang ke rumahnya pada jam 12.15 pagi. Zulhilmi bertanyakan berkenaan keretanya yang dihantar untuk dibaiki oleh Perayu pada 14.05.2017. Perayu telah mengajak Zulhilmi untuk makan. Perayu menaiki kereta Proton Perdana PEN 3626. Dalam perjalanan ke kedai makan di Simpang Kepayang beliau telah singgah di rumah En. Jabar.

[10] Ketika bergerak dari rumah En. Jabar ke Simpang Kepayang, kereta Proton Perdana PEN 3626 itu dihindar oleh sebuah Pajero. Perayu telah diberitahu bahawa mereka itu adalah polis.

[11] Perayu dan Zulhilmi telah disoal oleh polis. *“Ini barang siapa punya?”*. Perayu tidak mengaku barang itu miliknya. Perayu menafikan bahawa kotak bertulisan cina (P17) miliknya. Ketika pemeriksaan balas Perayu bersetuju bahawa ketika kereta itu dari rumah En. Jabar sehingga ditahan oleh SP4 dan anggota lainnya, Perayu dan Zulhilmi yang ada di dalam kereta tersebut. Perayu juga menyatakan tidak pernah nampak kotak tersebut sebelum ditunjukkan oleh polis semasa kejadian tersebut. Barang tersebut di atas lantai tempat letak kaki bahagian penumpang sebelah belakang. Perayu yang mempunyai kunci kereta tersebut setelah diserahkan oleh SP6.

Dapatan Majistret Di Akhir Kes Pembelaan

[12] Majistret melalui alasan penghakimannya di muka surat 45 Rekod Rayuan Jilid 1 iaitu di perenggan 51 sehingga 76 telah menunjukkan pembelaan telah diteliti oleh beliau. Ini dapat dilihat melalui kenyataan di muka surat 45 seperti berikut:

“DAPATAN MAHKAMAH DI AKHIR KES PEMBELAAN”

[13] Adalah didapati perenggan 51, 52, 53 dan 54 adalah merupakan penilaian Majistret kepada kes pendakwaan yang telahpun diputuskan sebelum ini oleh Majistret. Ia tidak berjaya menimbulkan satu kes *prima facie* terhadap Perayu ketika berakhirnya kes pendakwaan. Namun kini adalah didapati bahawa Majistret telah menukar dapatan yang dibuatnya sebelum ini. Pada hemat Mahkamah ia tidak perlu dilakukan. Ini adalah disebabkan Mahkamah Tinggi Malaya di Temerloh telahpun memutuskan bahawa terdapat satu kes *prima facie* dan dikembalikan untuk penelitian pembelaan oleh pihak Perayu. Ia telah menimbulkan prejudis kepada Perayu dan menyebabkan satu penilaian yang objektif tidak dapat dibuat oleh Majistret. Ini adalah disebabkan telah dipengaruhi oleh pandangan beliau terhadap keterangan-keterangan pihak pendakwaan yang berbeza dengan penilaian beliau sebelum ini sehingga telah diputuskan oleh Majistret bahawa kes *prima facie* telah tidak dapat dibuktikan oleh pendakwaan.

[14] Apa yang perlu dilakukan sepatutnya oleh Majistret pada peringkat ini adalah menilai pembelaan yang dikemukakan oleh Perayu dan tidak meneliti semula kes pendakwaan yang telah diputuskan oleh Hakim Mahkamah Tinggi bahawa berjaya menimbulkan kes *prima facie* terhadap pendakwaan. Penampilan para 51 hingga 54 di dalam alasan penghakiman Majistret dapat

menggambarkan bahawa beliau telah mengambil kira keterangan-keterangan sebelum ini yang telah dikemukakan semasa kes pendakwaan dan bercampur baur dengan keterangan yang diberikan oleh pembelaan pada peringkat kes pembelaan.

[15] Namun demikian Mahkamah mendapati bahawa perenggan 55 hingga 76 penilaian telah dibuat terhadap pembelaan Perayu yang mana di perenggan 55 Majistret menyatakan bahawa pembelaan Perayu adalah berkisar kepada penafian pengetahuan dan kawalan ke atas kotak-kotak bertulisan cina (P17, P7(A&B), P8, P10 dan P12) kerana kereta adalah milik PW6 dan pintu kereta sebelah belakang pemandu tidak boleh dikunci sepanjang masa ia diletak di bengkel Tertuduh 1. Majistret juga menyatakan bahawa Perayu menyatakan bahawa terdapat keraguan bahawa mereka mempunyai kawalan dan jagaan mahupun pengetahuan ke atas barang-barang kes tersebut disebabkan pintu kereta tidak boleh dikunci dan kereta diletakkan di kawasan terbuka dari 12 hingga 14 Mei 2017.

[16] Majistret juga di perenggan 63 telah menyatakan bahawa beliau lebih mempercayai keterangan PW4, PW2 dan PW5 yang menyatakan seperti berikut:

“Mahkamah percaya tiada motif untuk PW4, PW2 dan PW5 mereka-reka cerita terhadap tertuduh. Walaupun terdapat dua versi berbeza berkenaan keadaan pintu kereta, atas sebab dinyatakan di atas, Mahkamah mendapati keterangan PW4, PW2 dan PW5 lebih dipercayai dan untuk itu Mahkamah cenderung memilih mempercayai keterangan saksi pendakwaan (PP v Sanjay Singh Chauhan [2017] 1 LNS 424”.

[17] Majistret berpendapat tindakan Perayu dan Zulhilmi yang enggan membuka pintu kereta adalah satu faktor yang relevan di bawah seksyen 8 Akta Keterangan 1950 bagi menunjukkan '*guilty mind of the accused*'.

[18] Apa yang jelas ialah Majistret tidak dapat menerima pembelaan Perayu bahawa beliau tidak mempunyai pengetahuan dan tidak mempunyai kawalan terhadap dadah-dadah tersebut yang berada di dalam kotak tulisan cina tersebut. Ini adalah disebabkan semasa kejadian hanya Perayu dan Zulhilmi yang berada di dalam kereta tersebut. Perayu mempunyai kunci kereta (P8) tersebut. Pintu belakang kereta tersebut tidak boleh dibuka melainkan dengan tindakan Perayu. Pada masa SP6 menyerahkan kenderaan tersebut kepada Perayu tiada apa-apa di dalam kereta tersebut.

Penilaian

[19] Adalah menjadi prinsip undang-undang yang jenayah mantap bahawa beban pembuktian adalah terletak di bahu pendakwaan untuk membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah, **(Muhammad Lukman bin Mohamad v PP (2021) 1 LNS 856; para 27 (2021) 4 MLJ 494).**

“[27] Third, well-entrenched in jurisprudence is the principle that the burden is on the prosecution to prove beyond reasonable doubt of every essential fact necessary to constitute the crime with which he or she is charged (see Nagappan a/l Kuppusamy v Public Prosecutor [1988] 2 MLJ 53). This principle is a corner stone in our criminal law. The prosecution must rely on the strength of its own evidence and not relying on the weakness of the defence (see Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor [1991] 3 MLJ

169; *Public Prosecutor v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705; [2000] 4 CLJ 649). The concept of reasonable doubt though not defined in the Evidence Act 1950, has been interpreted through various judicial decisions. In *Commonwealth v Webstar* 59 Mass 295 (1850), the court opined that reasonable doubt is not meant to be comprehended as a mere possible doubt (as all that is connected to the affairs of humans can be said to contain a possible element of doubt). Reasonable doubt is the state of mind of the jurors wherein they are not in a position to confirm the veracity of the guilt of the accused even after careful perusal of all the adduced evidence. In *Lt Kol Yusof bin Abdul Rahman v Kol Anuar bin Md Amin & Anor* [1997] 1 MLJ 562 (CA), Mahadev Shankar JCA said (at p 573):

In view of this definition the best explanation of 'reasonable doubt' is perhaps that given by Denning J in Miller v Minister of Pensions [1947] 2 All ER 372 where he said (at p 373):

(The degree of cogency) ... need not reach certainty, but it must carry a high degree of probability. Proof beyond reasonable doubt does not mean proof beyond the shadow of a doubt. The law would fail to protect the community if it admitted fanciful possibilities to defect the course of justice. If the evidence is so strong against a man as to leave only a remote possibility in his favour which can be dismissed with the sentence 'of course it is possible, but not in the least probable', the case is proved beyond reasonable doubt, but nothing short of that what will suffice' (see also Tang Kin Seng v Public Prosecutor [1997] 1 SLR 46 (HC))."

[20] Oleh yang demikian pihak pembelaan harus menimbulkan satu keraguan yang munasabah dan bukannya satu kemungkinan yang tidak munasabah. Hakim Denning di dalam kes **Miller v Minister of Pensions (1947) 2 ALL ER 372** telah menjelaskan berkenaan

dengan apakah yang dimaksudkan dengan pembuktian melangkaui keraguan yang munasabah seperti berikut:

“Proof beyond reasonable doubt does not mean proof beyond the shadow of a doubt. The law would fail to protect the community if it admitted fanciful possibilities to deflect the course of justice. If the evidence is so strong against a man as to leave only a remote possibility in his favour which can be dismissed with the sentence “of course it is possible, but not in the least probable,” the case is proved beyond reasonable doubt, but nothing short of that will suffice.”

[21] Ini bermakna bahawa pihak pembelaan tidak boleh menyatakan apa-apa keraguan demi untuk menimbulkan keraguan tetapi hendaklah sesuatu munasabah yang boleh diterima sebagai penjelasan kepada perkara-perkara yang ditimbulkan oleh pihak pendakwaan. Ini dapat dilihat melalui pandangan Mahkamah Persekutuan dalam kes **PP v Abdul Rahman Akif (2007) 4 CLJ 337**.

*“[27] It is trite law that the court need not be convinced of the defence story to entitle the accused to an acquittal. **The burden of proof on the accused is indeed a light one which is merely to cast a reasonable doubt on the prosecution's case.** (See Illian & Anor v. Public Prosecutor [1988] 1 LNS 139; [1988] 1 MLJ 421). In the present case the respondent's defence was that although he knew about the existence of the three packages in the car, which he claimed were put in the car by Jiri, but he had no knowledge that they contained drug. He was informed by Jiri that they contained cloth samples. Upon close scrutiny we find his story to be highly improbable for the following reasons. Firstly, if it is true that he came to Johor Bahru to collect cloth samples from Jiri, the question is what was the need to meet Jiri at around 3.30 in the morning. Certainly this could have been done at a more convenient time. Secondly, if the 3 packages contained cloth samples as claimed by the*

respondent the question arises why should they be hidden under the seats of the car as found by the police. The manner in which the three packages were concealed in the car goes to show that the appellant knew of the content of the three packages. In the circumstances, we find his story about the meeting with Jiri to be highly fictitious. It was no more than an attempt to show that he had no knowledge of the content of the 3 packages. In the final analysis, we are satisfied beyond reasonable doubt that the respondent had custody and control of the three packages and he knew that they contained drug. Having so found the next issue is whether the defence had, on the balance of probabilities, successfully rebutted the presumption of trafficking under s. 37(da) of the Act. (See PP v. Yuvaray [1968] 1 LNS 116; [1969] 2 MLJ 89 as applied in Ng Chai Kem v. PP [1994] 2 CLJ 593). In the present case the respondent did not offer any explanation whatsoever which goes towards rebutting the said presumption. It is our finding, therefore, that the presumption under s. 37(da) of the Act stands unrebutted.

[22] Selain daripada itu Mahkamah juga merujuk kepada kes **Mat v Public Prosecutor (1963) 29 MLJ 263** seperti berikut:

“The correct law for Magistrates to apply is as follows. If you accept the explanation given by or on behalf of the accused, you must of course acquit. But this does not entitle you to convict if you do not believe that explanation, for he is still entitled to an acquittal if it raises in your mind a reasonable doubt as to his guilt, at 264 as the onus of proving his guilt lies throughout on the prosecution. If upon the whole evidence you are left in a real state of doubt, the prosecution has failed to satisfy the onus of proof which lies upon it.

The position may be conveniently stated as follows:—

(a) If you are satisfied beyond reasonable doubt as to the accused's guilt

Convict.

(b) If you accept or believe the accused's explanation

Acquit.

(c) If you do not accept or believe the accused's explanation

Do not convict but consider the next steps below.

(d) If you do not accept or believe the accused's explanation and that explanation does not raise in your mind a reasonable doubt as to his guilt

Convict.

(e) If you do not accept or believe the accused's explanation but nevertheless it raises in your mind a reasonable doubt as to his guilt

Acquit.

Magistrates would assist the appellate court if they indicate in their grounds that they are aware of the tests laid down in steps (d) and (e) above.”

[23] Oleh yang demikian pada peringkat pembelaan mahkamah bicara perlu meneliti sama ada keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pembelaan telah dapat menimbulkan keraguan yang munasabah. Mahkamah telah meneliti alasan penghakiman Majistret setelah beliau meneliti keterangan pembelaan. Ini dapat dilihat di perenggan 58 alasan penghakiman apabila beliau menyatakan:

“Fakta menunjukkan kotak bertulisan cina (P17), P7 A&B, P8, P10 dan P12 dijumpai dalam kereta dinaiki oleh tertuduh-tertuduh di mana secara spesifiknya ia dijumpai di atas lantai di belakang tempat duduk tertuduh. Mahkamah Persekutuan dalam kes Khairuddin Hassan v PP [2010] 7 CLJ 129 menyatakan: “... proximity of the drugs to the appeallant was a relevant fact to be taken into consideration.”

[24] Majistret mendapati bahawa kotak bertulisan cina (P17) itu dijumpai di dalam kereta yang dinaiki oleh Perayu. Beliau telah menukulkan kes **Khairuddin Hassan v PP (2010) 7 CLJ 129**. Ini dapat dilihat di halaman 138 kes tersebut.

“[12] As regards the proximity of the drugs to the appellant, this too is a relevant fact. This principle is derived from this passage in PP v. Foo Jua Eng [1965] 1 LNS 137, where HRH Raja Azlan Shah stated:

With regard to the mental element, the learned magistrate rightly directed his mind that knowledge or consciousness would depend on the surrounding circumstances. However, he failed to direct his mind adequately on the facts. He directed his mind to the circumstances when the respondent tried to close the door on PW1. But he failed to consider the other circumstance which, taken together, may well be that the element of possession was proved. That circumstance is the physical proximity of the respondent to the exhibit in question.

[13] As such we cannot find fault with the finding of the learned trial judge that, based on both the elements of the conduct of the appellant and his proximity to the recovered drugs, coupled with his failure to give any satisfactory explanation, he was in mens rea possession of the drugs. This was an inference made by the learned trial judge based on sound factual findings which is now confirmed by the Court of Appeal. We find no justification in disturbing those findings.”

[25] Pada masa yang sama Majistret juga berpandangan bahawa disebabkan dadah tersebut berada berdekatan dengan Perayu ia tidak boleh membuktikan Perayu mempunyai *guilty mind*. Beliau

telah merujuk kes **PP v Lin Lian Chen (1992) 1 CLJ Rep 285**. Jika diteliti kes **Lin Lian Chen** (supra) ia mencadangkan bahawa hatta pengetahuan berkenaan dengan kewujudan bungkusan-bungkusan surat khabar sahaja tidak mencukupi untuk menunjukkan bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan berkenaan dengan dadah-dadah tersebut. Ini dinyatakan di halaman 292.

“In this context, mere knowledge of the presence of the seven newspaper packages or the cigarette packet in the Honda without more would not be sufficient to constitute custody or control thereof though it would constitute an essential step in that direction. But the position here was that there was not even proof of such knowledge much less proof of knowledge of the presence of the offending exhibits in the seven newspaper packages or the cigarette packet. For example, there was nothing to indicate for how long in all the respondent had been in charge of the Honda and such evidence as had been adduced indicated that he was seen only briefly at the wheel. No evidence was adduced as to whether the seven packages or the cigarette box had been dusted for fingerprints or as to whether the respondent’s hands or fingernail clippings were examined for traces of heroin nor was there anything even suspicious about the behaviour of the respondent before or at the time of his arrest; for example, he made no difficulties when arrested.”

[26] Mahkamah Majistret juga telah menggunakan suatu frasa yang perlu diberikan perhatian oleh Mahkamah ini iaitu *other incriminating proof* seperti yang dinyatakan di perenggan 60 alasan penghakiman seperti berikut:

“[60] Sebaliknya, Mahkamah hanya perlu menilai sama ada terdapat other incriminating proof yang menunjukkan tertuduh mempunyai pengetahuan berkenaan kotak bertulisan cina (P17, P7

(A&B), P8, P10 dan P12 serta mempunyai *power of control over them* (Y Jeyamuraly Yesiah v PP (2007) 5 CLJ 605.”

[27] Apa yang menjadi persoalan ialah apakah yang dimaksudkan dengan *incriminating proof*. Apakah ini perlu dipertimbangkan pada peringkat pembelaan? Ini adalah disebabkan sepatutnya ketika kes pembelaan Mahkamah akan melihat keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pembelaan dan melihat sama ada ianya telah menimbulkan keraguan yang munasabah kepada kes pendakwaan. Oleh yang demikian istilah *incrimination proof* seperti yang digunakan dalam alasan penghakiman Majistret adalah sesuatu yang asing dalam konteks penelitian keterangan pembelaan. Apa yang perlu diputuskan ialah sama ada keterangan yang dikemukakan oleh pihak pembelaan telah menimbulkan keraguan yang munasabah kepada kes pendakwaan.

[28] Pada masa yang sama, Mahkamah juga perlu meneliti keterangan pembelaan sama ada ianya telah dapat menyanggah keterangan pendakwaan berkenaan pengetahuan Perayu berkenaan dadah-dadah tersebut. Selain daripada itu sama ada SP4, SP2, SP5 mempunyai motif dengan mereka cerita kepada Perayu tidak sepatutnya dijadikan alasan untuk menyatakan bahawa pihak pembelaan telah tidak berjaya untuk menyanggah elemen pengetahuan tertuduh. Namun ia telah dinyatakan di perenggan 63 alasan penghakiman.

[29] Seterusnya di perenggan 67 alasan penghakiman Majistret telah menyatakan bahawa tindakan SP4 menjerit berkali-kali semasa serbuan tersebut dan Perayu masih enggan membuka pintu kereta menunjukkan ia adalah satu yang relevan untuk menunjukkan *guilty*

mind Perayu. Majistret menggunakan seksyen 8 Akta Keterangan 1950. Selain daripada itu keengganan Perayu untuk membuka pintu kereta tersebut juga adalah menunjukkan bahawa Perayu mempunyai pengetahuan berkenaan dengan dadah-dadah tersebut. Namun demikian keterangan ini perlu dilihat dengan keterangan Perayu yang menyatakan bahawa pada masa tersebut kenderaan yang membawa SP4 dan anggotanya adalah tidak mempunyai lambang polis dan anggota polis memakai pakaian preman. Walaupun keterangan Tertuduh Kedua menyatakan beliau mengenali seseorang yang bernama Joshua adalah anggota polis disebabkan Tertuduh Kedua juga seorang anggota polis bantuan. Ia menurut Majistret Perayu mempunyai pengetahuan bahawa mereka itu anggota polis.

[30] Mahkamah ini telah meneliti keseluruhan keterangan pembelaan Perayu dan alasan penghakiman Majistret dalam mempertimbangkan pembelaan tersebut. Adalah didapati bahawa dapatan-dapatan yang dibuat oleh Majistret dalam meneliti pembelaan Perayu telah dipengaruhi atau telah diseliputi dengan anggapan-anggapan dan prejudis yang tidak berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan semasa pembelaan Perayu. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa semasa penilaian pembelaan Mahkamah harus melihat keterangan-keterangan yang dikemukakan semasa pembelaan.

[31] Adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa Mahkamah yang mendengar rayuan daripada keputusan Mahkamah bicara tidak sewajarnya mengganggu dapatan fakta yang dibuat oleh hakim bicara. Ini adalah disebabkan hakim bicara mempunyai keistimewaan untuk meneliti keterangan-keterangan saksi-saksi dan

melihat tingkah laku mereka semasa keterangan. Ini bermakna Mahkamah yang mendengar rayuan hanya dapat meneliti nota keterangan dan alasan penghakiman. Oleh yang demikian dapatan yang dibuat oleh hakim bicara seharusnya digambarkan melalui alasan penghakiman dan nota keterangan yang jelas. Ia bermaksud pada peringkat pembelaan harus ditunjukkan dalam alasan penghakiman bahawa keterangan pembelaan telah dilihat dan diteliti bagi memutuskan sama ada ianya telah berjaya menimbulkan keraguan kepada kes pendakwaan. Ia tidak sepatutnya mengkaji semula kes pendakwaan dan memberikan komen-komen kepada kes pendakwaan sehingga menyebabkan gagal memberi penilaian yang sepatutnya kepada kes pembelaan. Jika ini berlaku ia akan menyebabkan keterangan-keterangan pembelaan tidak diteliti dengan sewajarnya dan boleh membawa kepada perbicaraan yang tidak adil dan perlu dielakkan.

[32] Dalam kes ini Mahkamah berpendapat bahawa alasan penghakiman dan nota keterangan dan penilaian Majistret terhadap pembelaan pihak Perayu adalah tidak sejajar dengan apa yang sepatutnya dilakukan oleh Mahkamah di akhir kes pembelaan seperti yang digariskan di dalam kes **Mat v Public Prosecutor** (supra). Di samping itu Mahkamah juga mendapati Majistret tidak memberikan penilaian yang sewajarnya kepada keterangan-keterangan pembelaan. Misalnya, telah tidak menganalisa keterangan yang dikemukakan oleh pihak pembelaan ditambah pula dengan dapatan di perenggan 75 alasan penghakiman apabila dinyatakan seperti berikut apabila meneliti isu berkenaan ketiadaan laporan DNA dan laporan cap jari yang dikatakan oleh pihak pembelaan telah mencatitkan kes pendakwaan seperti berikut:

“Mahkamah berpendapat bahawa prosecution won the argument to the nth degree.”

[33] Apa yang jelas ialah pada peringkat pembelaan bukannya ditentukan sama ada hujahan pihak pendakwaan tidak berjaya disangkal oleh hujahan pihak pembelaan sebaliknya adakah keterangan yang dikemukakan oleh pembelaan telah menimbulkan keraguan bagi kes pendakwaan. Sekiranya ini berlaku maka Perayu perlu dibebaskan di akhir kes pembelaan. Adalah mustahak untuk Majistret tidak membuat sebarang kenyataan di dalam alasan penghakiman yang boleh menggambarkan penelitian yang boleh ditafsirkan sebagai prejudis kepada pembelaan Perayu.

[34] Mahkamah ini telah meneliti pembelaan Perayu dan mendapati bahawa pada masa kejadian tersebut ketika Perayu dan rakannya sedang memandu kenderaan keluar daripada rumah En. Jabar ke Simpang Kepayang mereka telah didekati oleh sebuah kenderaan Pajero di mana kesemua penumpang Pajero tersebut adalah berpakaian preman. Adalah didapati bahawa kejadian tersebut berlaku pada jam lebih kurang 1.00 pagi. Adalah satu yang munasabah untuk seseorang yang dihipit kenderaannya oleh kenderaan lain pada waktu dinihari untuk memberikan tindak balas seperti yang dilakukan oleh Perayu dan rakannya itu. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa keterangan menunjukkan bahawa salah seorang daripada penumpang kereta Pajero tersebut telah dikenali oleh rakan Perayu kerana beliau adalah merupakan polis bantuan. Namun demikian, ia tidak mencukupi berdasarkan kepada masa kejadian dan keadaan di mana kenderaan Perayu dan rakannya itu diikuti dan dihipit oleh kenderaan Pajero tersebut pada waktu jam 1.00 pagi. Adalah menjadi tindak balas yang munasabah untuk

Perayu dan rakannya itu mencurigai atau mengambil tindakan bagi melindungi diri Perayu dan rakannya itu. Perayu di dalam keterangannya semasa pemeriksaan utama di halaman 66 Jilid 2 pada menjawab soalan 28 dan 29 menyatakan seperti berikut:

“28. Soalan: Masa polis minta kamu buka kereta, kamu cuba melarikan diri?

Jawapan: Tidak setuju.

29. Soalan: Telah berlaku pergelutan antara kamu dan polis?

Jawapan: Setuju.”

[35] Semasa pemeriksaan balas berkenaan isu tersebut di halaman 69 soalan 7 dan 8 Perayu menyatakan seperti berikut:

“7. Soalan: Apa erti pergelutan antara kamu dan polis?

Jawapan: Saya melawan.

8. Soalan: Adakah kamu melawan polis?

Jawapan: Tidak, saya dipukul polis, saya tidak pukul polis.”

[36] Semasa pemeriksaan utama Perayu menjelaskan apakah perasaan beliau ketika kejadian keretanya dihipit oleh kereta Pajero tersebut terdapat di halaman 61 Rekod Rayuan Jilid 2 seperti berikut:

“Sepanjang perjalanan dari rumah Encik Jabar ke Simpang Kelayang, saya dihipit sebuah Pajero sehingga ke kaki lima bahu jalan. Saya terpaksa memberhentikan kereta saya demi keselamatan kereta tersebut. Kemudian satu kenderaan menghimpit dari belakang membuatkan saya tidak dapat membawa kenderaan ke mana-mana. Saya berada cemas khuatir jika terjadi rompakan atau kecurian. Kereta tiada lambang apa-apa, hanya macam kereta awam biasa. Masa kejadian saya tidak tahu kereta

ada di belakang saya. Beberapa orang keluar dari Pajero menghalakan senjata pistol dan membuatkan saya serah diri dengan angkat tangan.”

[37] Adalah didapati bahawa Mahkamah sepatutnya mempertimbangkan pembelaan Perayu seperti di atas dan tidak semata-mata berdasarkan keterangan PW4, PW2 dan PW5 diterima sebagai keterangan atas alasan tiada sebarang motif PW4, PW2 dan PW5 mereka-reka cerita terhadap Perayu tanpa meneliti keterangan pembelaan berkenaan kejadian tersebut. Adalah jelas daripada keterangan Perayu yang tidak dapat disanggah oleh pihak pendakwaan bahawa pada masa kejadian tersebut beliau telah bertindak sedemikian rupa kepada pasukan polis kerana menjangkakan mereka akan melakukan rompakan dan keadaan yang kelam kabut sehinggalah kotak-kotak tersebut ditemui oleh pihak polis berada di dalam kenderaan yang dipandu oleh Perayu dan rakannya itu.

[38] Mahkamah berpendapat Majistret perlu meneliti pembelaan tersebut walaupun ianya adalah pada pandangan Majistret adalah lemah. Ini adalah disebabkan menjadi prinsip undang-undang jenayah yang mantap bahawa segala pembelaan yang dikemukakan oleh Perayu perlu dipertimbangkan dengan sewajarnya dalam kerangka bahawa tugas untuk membuktikan pertuduhan kepada Perayu adalah terletak di bahu pihak pendakwaan. Jika terdapat sebarang keterangan yang boleh menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan Perayu perlu dibebaskan mengikut prinsip undang-undang.

[39] Berdasarkan kepada penelitian keseluruhan keterangan saksi-saksi, eksibit-eksibit dan alasan penghakiman Majistret, Mahkamah berpendapat bahawa keputusan Majistret untuk mensabitkan Perayu dengan hukuman seperti pertuduhan dan hukuman yang dijatuhkan adalah tidak selamat. Oleh yang demikian rayuan pihak Perayu adalah dibenarkan, sabitan dan hukuman Majistret diketepikan.

Bertarikh: 01 Oktober 2021



(ROSLAN BIN MAT NOR)
PESURUHJAYA KEHAKIMAN
MAHKAMAH TINGGI MALAYA
TEMERLOH, PAHANG

PIHAK-PIHAK :

Bagi Pihak Perayu

Dato' Sri M Ramachelvam bersama Ameerul Radzi Azlan
Tetuan Rama-Rozi & Associates
Temerloh, Pahang

Bagi Pihak Responden

Syairah binti Mohamad Razali
Timbalan Pendakwa Raya
Temerloh, Pahang